

## Peniaga tidak berdepan masalah kurang bekalan

**IPOH** - "Saya bermiaga seperti biasa, tiada yang naik pun (harga)," demikian reaksi peniaga-peniaga di Pasar Awam Batu Gajah di sini.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati harga barang basah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran dijual pada harga tetap tanpa ada pembelian panik akibat wabak koronavirus.

Peniaga ayam, Khairel Anas Abdul Alim, 30, berkata, jualan ayamnya berjalan seperti biasa dengan harga RM8.50 sekilogram.

"Bimbang itu tetap ada terutamanya kepada pembekal apabila mereka bimbang wabak itu melarat seperti Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

"Ketika itu, jualan ayam merosot hingga mengalami kerugian. Virus kali ini diharapkan dapat dikawal sebaiknya dalam negara," katanya di sini semalam.

Sementara itu, di SELAYANG,



KHAIREL ANAS

**SELANGOR**, peniaga barang basah tidak berdepan masalah kekurangan bekalan kerana ia diperoleh daripada pengeluar tempatan dan bukan diimport dari China.

Pengerusi Persatuan Pemborong dan Penaja Kecil Melayu Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur, Abdul Aziz Mohd Alias berkata, aktiviti perniagaan juga berjalan lancar tanpa sebarang pembelian panik dan harga jualan masih pada kadar ditetapkan.

"Kita tidak terjejas kerana tiada barang basah yang diimport dari China. Bekalan dalam negara seperti dari Cameron Highlands masih cukup untuk menampung keperluan dan permintaan tempatan.

"Ada beberapa barang seperti lobak merah dan bawang yang diimport tapi dari negara lain pun masih berada pada harga stabil," katanya.